

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5

TEMA 6: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

UNIT 16: SAINS DAN KEHIDUPAN

Tajuk: Sains dan Makanan

Arahan: Baca dan rujuk buku teks halaman 125. Kenal pasti ayat tunggal yang ada dalam teks di bawah.

Keluarga Farisha sedang menjamu selera. Makanan yang dihidangkan sungguh lazat. Adik kecil manja tidak suka makan ulam. Ulam itu rasanya pahit. Encik Farid pula cuba merasa tapai. Tapai itu rasanya sangat manis. Oleh sebab hendak menjaga kesihatan, Encik Farid makan sedikit sahaja. Farisha pula gemar minum jus oren segar. Minuman itu rasanya sedikit masam. Jus oren baik untuk kesihatan badan kerana kaya dengan vitamin C.

Encik Farid menjelaskan bahawa makanan dan minuman harian terdiri daripada bahan-bahan berasid, beralkali dan neutral. Badan memerlukan semua unsur itu. Asid lebih bersifat masam dan menghakis. Alkali pula rasanya pahit, manakala bahan neutral pula beraneka rasa seperti masin, manis dan tawar.

Puan Faezah sungguh pandai memasak makanan. Juadah mereka beraneka rasa. Farisha sedar sifat bahan pelbagai masakan ibunya membuatkan rasa makanan sedap. Puan Faezah mengutamakan makanan seimbang. Makanan seimbang akan menyihatkan badan.



Ayat tunggal

1. Keluarga Farisha sedang menjamu selera.
2. _____
3. _____
4. _____

Peluasan subjek

1. Keluarga bahagia Farisha sedang menjamu selera.
2. _____
3. _____
4. _____

1. Keluarga Farisha sedang menjamu selera.

2. _____
3. _____
4. _____

Peluasan predikat

1. Keluarga Farisha sedang menjamu selera di ruang makan.

2. _____
3. _____
4. _____



Munshi Cilik

Ayat tunggal dengan peluasan subjek dan predikat ialah ayat yang menerima penambahan unsur pada subjek atau predikat ayat.

Contoh ayat: Nenek saya sedang menikmati sup herba.

Contoh peluasan: Nenek kesayangan saya sedang menikmati sup herba di dapur pada waktu pagi.

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5

TEMA 6: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

UNIT 16: SAINS DAN KEHIDUPAN

Tajuk: Sains dan Makanan

Arahan: Pilih dan padankan frasa yang sesuai dengan peluasan subjek atau peluasan predikat dengan ayat tunggal di bawah. Kemudian, tulis semula ayat tersebut dalam ruangan yang disediakan.

besar

kecil

sawi

tengah hari

pegaga

nasi

India

segar

Melayu

layu

Ayat tunggal	Peluasan subjek
1. Keluarga Farisha sedang menjamu selera.	1. Keluarga bahagia Farisha sedang menjamu selera.
2. Makanan yang dihidangkan sungguh lazat.	2.
3. Adik tidak suka makan ulam.	3.
4. Ulam itu rasanya pahit.	4.
	Peluasan predikat
1. Puan Faezah pandai memasak makanan.	1. Keluarga Farisha sedang menjamu selera di ruang makan .
2. Puan Faezah pandai memasak makanan.	2.
3. Farisha gemar minum jus oren.	3.
4. Encik Farid makan sedikit sahaja.	4.